



DATIN MARION FRANCENA AP R.A.D'CRUZ

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Seni Persembahan pada tahun 1977 dan Sarjana dalam Tarian pada tahun 1979 dari Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang. Tesis beliau bertajuk *Joget Gamelan – A Study of Its Con temporary Practice* yang merupakan kajian ilmiah pertama berkenaan Joget Gamelan di Malaysia.

Beliau telah menerima latihan dalam tarian balet, klasik, tradisional Melayu, dan seni mempertahankan diri iaitu Silat di Malaysia. Selain daripada tarian-tarian di Malaysia, Marion juga mahir dalam tarian Klasik Jawa dan tarian Bali di Indonesia, tarian klasik India di Singapura dan Malaysia serta tarian kontemporari, Labanotasi dan *Laban Movement Analysis* di London dan New York.

Beliau telah menerima biasiswa *Asian Cultural Council Contemporary Dance* di New York pada tahun 1981. Beliau juga telah menerima beberapa anugerah di dalam festival yang terkenal di serata dunia seperti *American Dance Festival* di Durham, Carolina Utara pada tahun 1986, *Dance Umbrella* di London, England pada tahun 1998 dan *Adelaide Arts Festival* di Australia pada tahun 2000.

PENCAPAIAN

Beliau juga telah menerima anugerah kebudayaan daripada *Japan Foundation* pada tahun 2005 untuk melawat negara Jepun dan mengkaji tarian kontemporari dan seni belia. Di Malaysia, beliau telah menerima beberapa anugerah untuk sumbangan beliau kepada dunia seni seperti Anugerah *BOH Cameronian Artseefartsee Cross – Cultural Champion of the Arts* pada tahun 2006, Anugerah *BRDB NST Dance Malaysia* pada tahun 2010, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang *ASWARA* pada tahun 2012, dan *BOH Cameronian Tribute to Arts Legends* pada tahun 2015.

Beliau merupakan pengasas dan koreografer *Five Arts Centre* yang ditubuhkan pada tahun 1984 bersama Krishen Jit yang merupakan pengarah teater, pengkritik dan penulis drama *Chin San Sooi* telah menubuhkan syarikat ini dengan menggabungkan beberapa artis dari pelbagai bentuk seni, dan penerbit bertujuan untuk menjana bentuk seni alternatif dan imej-imej baru dalam industri kreatif Malaysia. Mereka amat tertarik dengan budaya kontemporari yang menapak dalam kehidupan rakyat di Malaysia. Projek-projek alternatif dipersembahkan melalui pameran, persembahan, bengkel kreatif, forum, seminar dan penyelidikan – dalam bidang teater, tari, muzik, seni visual dan seni belia diri.

Dalam karya-karyanya, beliau telah membangunkan idea identiti kontemporari Malaysia dalam tarian dan beliau adalah seorang pelopor dalam tarian kontemporari di Malaysia dengan menciptakan idea-idea baru dengan memutuskan kaedah-kaedah lama. Tumpuan beliau adalah untuk berkarya tentang perkara-perkara yang dirasakan penting kepada diri beliau. Beliau telah menghasilkan lebih daripada 60 buah karya termasuk karya tari dan juga koreografer untuk teater.

Antara karya beliau yang penting adalah *Swan Song* pada tahun 1988, *Urn Piece* pada tahun 1988, *Alter Art* pada tahun 1991, *Nagraland* pada tahun 1993 (koreografer untuk muzikal, karya Dick Lee arahan Krishen Jit), *Let Me Speak* pada tahun 1994, *Dance Tonpu II* pada tahun 1996 bersama Keiko Takeya Contemporary Dance Company Tokyo, *Playground* pada tahun 1999 bersama Aida Redza, *Bunga Manggar Bunga Raya* pada tahun 2007, *Gostan Forward* pada tahun 2009, *Dream Country – A Lost Monologue* pada tahun 2012 bersama beberapa pengarah lain, *2 minute solos* pada tahun 2013 dan tahun 2014 sebagai curator, dan *Terbalik...mesti kena mata* pada tahun 2017 bersama Ivy Josiah.

Beliau juga telah menghasilkan karya teater termasuk *The Cord* pada tahun 1984 karya K. S. Maniam arahan Krishen Jit, *1984 Here and Now* pada tahun 1985 karya Kee Thuan Chye arahan Krishen Jit, *Suara Rimba* pada tahun 1994 karya Leow Puay Tin dan Teater Muda arahan Janet Pillai, *Savages* pada tahun 1995 karya Christopher Hampton arahan Joe Hasham, dan *The Reluctant Saint* pada tahun 1997 karya Charlene Rajendran arahan Anne James. Pada tahun 1999, beliau terlibat sebagai penari dalam persembahan *Lear* adaptasi karya William Shakespeare arahan Ong Keng Sen.

Beliau telah mempersembahkan karyanya di Singapura, Jepun, United Kingdom, United States of America, Germany, Denmark, Hong Kong, Holland, Australia dan Finland.

Kini beliau masih aktif sebagai penari, koreografer dan produser di Five Arts Centre, dan merupakan Pensyarah di Fakulti Tari ASWARA.